

KESENIAN muzik tradisional

Melayu melambangkan entiti serta budaya bangsa Melayu yang perlu diangkat martabatnya supaya ia terus diwarisi generasi muda hari ini



- **ALAUDDIN YAHAYA**
Penyelaras Muzik Akustik
Ijazah Sarjana Muda Quran Dan Sunnah

SENI budaya Melayu juga dipengaruhi

dengan elemen-elemen patriotik yang dapat mengeratkan perpaduan kaum melalui seni muzik seterusnya menjayakan gagasan 1Malaysia



- **NOR SAZLIA ZAINOL MAJID**
Penyelaras Koir
Ijazah Sarjana Mud Fiqh Dan Fatwa

SENI budaya dan estetika melalui tarian dapat menonjolkan identiti Malaysia yang kaya dengan pelbagai warisan budaya



- **MUHAMMAD ZULHUSNI AMIRULNOMININ**
Penyelaras Tarian Malaysia
Ijazah Sarjana Muda Psikologi Kaunseling

SENI teater Melayu merupakan

medium yang dapat mengukuhkan kekuatan Bahasa Melayu melalui penterjemahan perasaan, mimik muka dan gerakan badan



- **TENGGU FAIZAH TENGGU YUSOP**
Penyelaras Teater
Ijazah Sarjana Muda Komunikasi



SEBAHAGIAN pelajar USIM yang menjayakan Program Khidmat Seni Budaya 1Malaysia 2011 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kedawang, Langkawi, Kedah baru-baru ini.

Peliharara warisan seni budaya Melayu

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**
kampus@utusan.com.my

MENYEDARI betapa pentingnya usaha membawa kembali kegemilangan seni budaya warisan Melayu, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru ini telah menganjurkan Program Khidmat Seni Budaya 1Malaysia 2011 bagi mempopularkan kembali seni itu di kalangan generasi muda.

Pengerusi Urusetia Kesenian Pelajar USIM, Mohamad Akmal Razali berkata, acara tahunan USIM itu telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kedawang, Langkawi, Kedah.

Katanya, ia bertujuan untuk memartabat dan memelihara warisan adat seni budaya Melayu khususnya di negara ini bagi melambangkan jati diri masyarakat Melayu agar tidak luput di telan zaman.

"Malaysia merupakan salah satu negara asal orang Melayu dan atas alasan ini, kita perlu memastikan adat seni budaya Melayu terpelihara dan

tidak luput ditelan zaman menerusi aktiviti yang boleh mengetengahkan kebudayaan Melayu kepada masyarakat tempatan mahupun antarabangsa.

"Ia juga diharapkan dapat menghidupkan kembali tradisi asal Melayu di kalangan masyarakat dan mendekatkan hubungan persaudaraan antara orang Melayu," katanya.

Selain itu, katanya, program khidmat seni budaya ini juga bertujuan memperkenalkan dan memberi pendedahan serta menghidupkan kembali rasa kecintaan kepada generasi muda masa kini bagi memastikan mereka menghayati seni budaya.

Katanya, ia juga meletakkan matlamat untuk merapatkan hubungan silaturahim di kalangan mahasiswa dan pelajar sekolah serta mengeratkan hubungan dengan masyarakat kampung.

Pelbagai aktiviti tarian diadakan sepanjang lima hari program yang dianjurkan secara kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi, Ahli

Dewan Undangan Negeri Kuah dan Jabatan Pelajaran Daerah Langkawi.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Adun Kuah, Datuk Ir. Nawawi Ahmad.

Hadir sama, Pengawai Pelajaran Daerah Langkawi, Marzuki Daud dan Ketua Unit Kebudayaan USIM, Ismail

Ahmed.

Antara aktiviti tarian yang diadakan seperti bengkel dan bengkel teater, nasyid, tarian tradisi melayu, dikir barat, nyanyian patriotik, muzik akustik, persembahan koir dan bermain alat cak lempong.

Mohamad Akmal berkata, program yang melibatkan 54 pelajar USIM dan 60 pelajar SMK Kedawang juga terlibat dengan program mentor-mentee dalam setiap aktiviti persembahan.

"Paling istimewa ialah program keluarga angkat bersama penduduk Kampung Mukim Kendawang yang menyemarakkan lagi program ini.

"Pelajar USIM dapat merasai tinggal bersama keluarga angkat di samping mendalami cara hidup masyarakat kampung dan budaya negeri Kedah," katanya.



MOHAMAD AKMAL RAZALI



facebook

Helo Kampus